

# 'Tulah' Sultan Mahmud

*Tindakan berani hulubalang Johor berasal dari Riau diakhiri sumpah sultan terhadap keturunan Bentan*

"Jika benar beta adalah  
raja Melayu berdaulat,  
sebagai balasan  
kepada orang yang  
menderhaka kepada  
raja, Beta sumpah  
selama tujuh  
keturunan orang Bentan  
akan muntah darah jika  
menjejak kakinya  
di bumi Kota Tinggi"

**Sumpahan Sultan Mahmud II**



**A**DAKAH kejadian banjir besar yang berlaku di Kota Tinggi pada Disember dan Januari lalu mempunyai kaitan dengan sumpahan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang terhadap Laksamana Bentan?

Persoalan ini timbul apabila makam Sultan Mahmud Shah II di Kampung Makam, tidak dijejaki air seinci pun, sedangkan bandar Kota Tinggi dan pusara Laksamana Bentan di Kampung Kelantan tenggelam dalam kejadian banjir besar itu.

Kini punca banjir besar itu terus menjadi tanda tanya. Ada yang mendakwa ia berpunca daripada hujan luar biasa, pembangunan di hulu Sungai Johor yang tidak terancang dan yang terbaru dikaitkan dengan penambakan Pulau Tekong, Singapura.

Ketika pelbagai pihak menunggu jawapan konkrit punca utama kejadian banjir besar itu, tiba-tiba nama Sultan Mahmud Mangkat Dijulang terus bermain di bibir kalangan penduduk Kota Tinggi.

Mereka bertanya sesama sendiri adakah benar Sultan Mahmud Shah II sebelum menghembuskan nafas terakhirnya melafazkan sumpah kepada keturunan Bentan di bumi Kota Tinggi, atau ia hanya mitos orang terdahulu.

Adakah banjir besar yang melanda

Kota Tinggi itu sebagai simbol membersihkan bandar berkenaan daripada segala kekotoran dan kezaliman sultan sebaik saja sumpahan itu berakhir sehingga generasi ketujuh Laksamana Bentan?


Selepas beberapa ratus tahun kemangkatan baginda, masih ramai yang tidak putus-putus bercerita kisah individu tertentu yang seolah-olah terkena 'tulah' sumpahan itu.

Malah, ada beberapa kisah benar yang tersebar daripada mulut ke mulut mengatakan, ada beberapa individu yang muntah-muntah, pening kepala dan gementar apabila menjejakkan kaki ke bumi Kota Tinggi.

Bagaimanapun, sama ada benar atau tidak, kejadian itu, paparan cerita lisan yang tidak didokumentasikan itu tidak boleh dinafikan dan tidak boleh juga dipercayai semuanya.

Mengimbas peristiwa tragis lebih 300 tahun lampau itu, Laksamana Bentan atau nama sebenarnya Megat Sri Rama menikam Sultan Mahmud pada Ogos 1699. Tindakan berani hulubalang Johor berasal Riau diakhiri dengan sumpahan sultan terhadap keturunan Bentan.

Memetik kisah dipaparkan dalam buku Sejarah Johor, tulisan Buyong Adil, pada muka surat 96 ada menyatakan: "Syahdan maka adalah pada ketika baginda itu di atas julang hendak pergi bersembahyang Jumaat,



■ **ADAKAH banjir besar di Kota Tinggi pada Disember dan Januari lalu ada kaitan dengan sumpahan Sultan Mahmud.**

lalu diparangnya baginda itu juga mangkat, dan Megat itu pun mati juga kerana dilontar oleh baginda dengan kerisnya."

Hanya pada perenggan itu saja diceritakan bagaimana peristiwa pembunuhan oleh Megat Sri Rama terhadap Sultan Mahmud dan pada masa sama baginda melontar keris ke arah Laksamana Bentan itu sehingga mengenainya lalu meninggal dunia. Tiada langsung diulas mengenai sumpahan sultan terhadap keturunan Laksamana Bentan.

Bagaimanapun, pada versi yang lain seperti dipapar dalam buku cerita klasik, sebuah filem Melayu mahu pun cerita lisan, ada sedikit lagi penambahan pada kejadian itu.

Diceritakan, selepas lontaran keris oleh Sultan Mahmud ke arah Megat Sri Rama, keris itu dikatakan singgah ke kakinya, ada juga mengatakan terkena dadanya. Sebelum menghembuskan nafasnya, baginda sultan sempat melafazkan sumpahnya yang lebih kurang berbunyi:

"Jika benar beta adalah raja Melayu berdaulat, sebagai balasan kepada orang yang menderhaka kepada raja, Beta sumpah selama tujuh keturunan orang Bentan akan muntah darah jika menjejak kakinya di bumi Kota Tinggi."



■ **MAKAM** Laksamana Bentan yang ditenggelami air ketika banjir besar di Kota Tinggi Januari lalu.




■ **Deretan makam** termasuk Makam Sultan Mahmud (Mangkat Dijulang), di Kampung Makam tidak dinaiki air.



“ Pada 1968, seorang pemuda berusia sekitar 20-an berasal dari Muar tiba-tiba muntah apabila tiba di pekarangan makam Sultan Mahmud”

**Mustafa Abu Bakar**  
Penduduk asal Kota Tinggi



“ Seorang lelaki mengalami muntah darah apabila dia melepasi jambatan Kota Tinggi di Sungai Johor manakala adiknya hanya mengalami lemah badan, pening dan tidak meneruskan tujuan untuk memasuki bandar Kota Tinggi”

**Sumpah Sultan  
Mahmud berakhir  
pada 1990**

8. 7. 2012

11-2-07

Selepas beberapa tahun kemangkatan baginda, dan selepas tamat tempoh baginda memerintah sebagai Sultan Johor ke-10, dari 1685 hingga 1699, tidak ramai yang mengetahui, mengalami mahu pun terkena sumpahan itu hingga ada yang muntah darah.

Dikatakan, dari 1699 hingga 1990, sumpahan itu sudah berakhir. Tafsiran itu dibuat kerana pada 1990, bandar Kota Tinggi mula membangun dengan pesat.

Cerita lisan dan andaian itu menyamai seperti apa yang berlaku di bumi Langkawi, yang turut membangun dikatakan selepas tamatnya tempoh sumpahan Mahsuri.

Menjejak semula kisah individu yang pernah dikaitkan dengan sumpahan Sultan Mahmud itu, dan secara tidak langsung boleh mengaitkan individu itu adalah keturunan Bentan. *Berita Minggu*, cuba menjejak semula cerita itu, yang tersebar secara lisan terutama daripada penduduk tempatan.

Anak jati Kampung Makam, Mustafa Abu Bakar, 64, berkata pada 1968, seorang pemuda berusia sekitar 20an berasal dari Muar tiba-tiba muntah apabila tiba di pekarangan makam Sultan Mahmud.

Beliau berkata, lelaki itu datang dengan rombongan persatuan beliau menaiki sebuah bas seramai 40 orang. Bagaimanapun, hanya beliau seorang saja yang termuntah-muntah dan tidak berani meneruskan langkah menuju ke arah makam. Bagaimanapun muntah lelaki itu tidak disertai darah.

tidak disertai darah.  
"Ketika itu saya sebagai penyambut tetamu. Apabila melihatkan kejadian itu, saya segera membawanya ke tepi sungai untuk menyeberangi Sungai Johor," katanya.

Katanya, sebaik berjaya menyeberang Sungai Johor dan tiba di Kampung Tembloh, lelaki itu pulih seperti sedia kala. Lelaki itu kemudian dibawa rakannya pulang ke Muar.

Warga emas, Mohamed Abdullah, 98, menceritakan pada sekitar tahun 1960-an, ada adik beradik yang datang ke Kota Tinggi dan ingin menetap di sini, tetapi berpindah ke tempat lain.

Seorang menetap di Mersing dan seorang lagi di Pontian, dua beradik itu adalah Awang Sudin Mohd Taha dan adiknya, Yusof Mohd Taha. Kedua-dua mereka sudah meninggal dunia.

Beliau berkata, Awang Sudin mengalami muntah darah apabila beliau melepasi jambatan Kota Tinggi di Sungai Johor manakala Yusof, tidak pula muntah darah tetapi mengalami lemah badan, pening dan tidak berani meneruskan tujuan untuk memasuki bandar Kota Tinggi.

"Saya tidak pasti sama ada kedua beradik itu keturunan Bentan atau tidak. Tetapi, kalau tiada kena mengena dengan keturunan Bentan, mengapa pula dia tiba-tiba muntah darah. Hanya Allah saja yang mengetahui," katanya.